

UNIVERSITI SAINS MALASYIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

September 1999

PPG 216/PDP 416 – Kaedah Mengajar Geografi I

Masa : (3 Jam)

Kertas soalan ini mengandungi **2** halaman bercetak.

Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** bahagian. Bahagian A ialah soalan esei pendek bernilai 60 markah dan Bahagian B ialah soalan esei panjang bernilai 40 markah.

BAHAGIAN A : SOALAN ESEI PENDEK

Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah tepat dan padat.

1. Berikan pengertian konsep “GEO” dan “GRAPHE”.
(10 markah)
2. Pendidikan geografi sekolah di dunia sering dikaitkan dengan matlamat politik, sosial dan ekonomi. Bincangkan isu ini dengan merujuk kepada beberapa negara.
(10 markah)
3. Geografi dianggap subjek “penyibuk”. Jelaskan secara ringkas maksud penyataan ini.
(10 markah)
4. Boden (1976) telah menyenarai 3 matlamat pendidikan geografi dalam kurikulum sekolah. Huraikan secara ringkas setiap satu.
(10 markah)
5. Guru geografi menghadapi masalah pengajaran di dalam bilik darjah. Pilih dua masalah utama dan cadangkan langkah-langkah mengatasinya .
(10 markah)
6. Tema Geografi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) masih merangkumi skop yang luas. Bincangkan secara ringkas mengapa perlunya tema tempatan diberikan keutamaan.
(10 markah)

...2/-

BAHAGIAN B : SOALAN ESEI PANJANG

Jawab 2 (dua) soalan sahaja.

7. Topik-topik dalam silibus geografi sekolah peringkat menengah rendah terbahagi kepada 4 komponen. Analisis secara umum keempat-empat komponen ini dengan memberi tumpuan kepada kesesuaian mengikut peringkat umur pelajar.

(20 markah)

8. Teknik pengajaran berpusatkan murid boleh membantu pembelajaran yang berkesan yang relevan dengan teknik yang dipilih. Pilih dua teknik dan huraikan pelaksanaan dengan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

9. Peta dinding dan glob ialah dua alat bantuan mengajar yang sering digunakan oleh guru geografi. Bandingkan kedua-dua alat ini tentang rasional penggunaan, prosedur pelaksanaan, dan implikasi positif terhadap pembelajaran geografi.

(20 markah)